

**ETR 300
RANCANGAN PERNIAGAAN**

SWEET BRIDAL ENTERPRISE

DISEDIAKAN UNTUK :

PROF. MADYA TUAN HAJI ILLIAS ZAIDI
PENSYARAH ETR 300

DISEDIAKAN OLEH :

ALINA KANSOOR
EDONI FARIDA ELLIAS
ROSIDAH AHAMAD
SHAZREEN MOHD HATTA

DPA 5C

7 MAC 1998



INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

21hb. November 1997

Tarikh:

Surat Tuan:

Surat Kami:

100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Alina Kansoor	95970705
2.	Edoni Farida Ellias	95964395
3.	Rosidah Ahamad	95286540
4.	Shazreen Mohd Hatta	95400873

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ROZALLHASHIM
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Provos

Diploma Pentadbiran Awam 05 (C)
Kajian Pentadbiran Dan Undang-Undang
Institut Teknologi Mara Caw. Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka

Prof. Madya Tuan Hj Illias Zaidi
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi Mara Caw. Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka

22 Februari 1998

Tuan

LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN


Kami yang terdiri daripada empat orang pelajar dari kursus Diploma Pentadbiran Awam, mengemukakan satu Laporan Rancangan Perniagaan yang bertajuk Juru Runding Perkahwinan oleh Sweet Bridal Enterprise sebagai memenuhi syarat bagi pengajian semester lima Diploma Pentadbiran Awam.

2. Di dalam menjayakan projek ini, beberapa pihak telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala kerjasama mereka telah menghasilkan kejayaan bagi projek ini.
3. Kami mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kami kepada pihak Tuan yang telah memberi tunjuk ajar, nasihat serta


kritikan yang membina sepanjang proses menyiapkan Laporan Rancangan Perniagaan ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak-pihak yang sudi dan sanggup meluangkan masa untuk memberi maklumat-maklumat yang kami perlukan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,




(SHAZREEN BTE MOHD HATTA)



(ROSIDAH BT AHAMAD)



(EDONI FARIDA BT ELLIAS)



(ALINA BT KANSOOR)

SINOPSIS

SWEET BRIDAL ENTERPRISE (SBE) merupakan sebuah perniagaan yang menawarkan perkhidmatan jururunding perkahwinan. Ia merupakan sebuah syarikat perkongsian yang dianggotai oleh empat orang rakan kongsi. Perniagaan ini akan mula beroperasi pada 1 Februari 2000.

Premis perniagaan kami terletak di Bangunan Plaza Mahkota yang beralamat No. 165, Plaza Mahkota, Jalan PM 15, 75000, Melaka. Lokasi syarikat kami agak strategik memandangkan ia terletak di kawasan yang menjadi tumpuan ramai. Sasaran pasaran kami adalah lebih tertumpu di kawasan Melaka Tengah dan juga daerah-daerah yang berdekatan dengan negeri Melaka.

Perkhidmatan yang kami tawarkan ialah jururunding perkahwinan, dimana **SWEET BRIDAL ENTERPRISE** bertindak sebagai orang tengah bagi menjayakan sesuatu majlis perkahwinan. Selain itu, syarikat kami juga menyediakan perkhidmatan menyewa pakaian pengantin. Persaingan kami terdiri daripada Jastina Gift & Bridal, Norizah Mak Andam dan Shafirin Enterprise.

Dalam menjalankan perniagaan ini, kami telah mengeluarkan modal sebanyak RM 80,000. Ini bermakna setiap ahli kongsi masing-masing menyumbang sebanyak RM 20,000 seorang.

SWEET BRIDAL ENTERPRISE ditadbir oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh 3 orang Pengurus lain yang terdiri daripada rakan kongsi syarikat kami sendiri. Perniagaan kami dijangka beroperasi setiap hari bermula dari jam 9.00 a.m. hingga 10.00 p.m. kecuali pada hari kelepasan am.